

## **MODUL PANDUAN FASILITATOR**

---

**PROGRAM LATIHAN UNTUK PELATIH:**



**MENERAPKAN  
KESEDARAN UNTUK  
MENAMATKAN**

**JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG**

---

**DISEDIAKAN OLEH:**

**MIGRANT DEVELOPMENT PROGRAM | OKTOBER 2022**

## ISI KANDUNGAN

| Perkara                                                                                            | Muka Surat |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------|------------|
| Pendekatan Berasaskan <i>Trauma Informed Approach</i> (TIA)                                        | 2          |
| <b>Topik 1: Asas Pemerdagangan Orang</b>                                                           | <b>5</b>   |
| Lampiran I:                                                                                        | 6          |
| • Nota - Apakah Pemerdagangan Orang?                                                               |            |
| <b>Topik 2: Proses Pengantunan (<i>Grooming</i>) dalam Pemerdagangan Orang</b>                     | <b>11</b>  |
| Lampiran II:                                                                                       | 12         |
| • Nota – Apa itu Pengantunan/ <i>Grooming</i> ?                                                    |            |
| • Nota – Bagaimana Pelaku Melakukan Pengantunan ( <i>Grooming</i> ) dan Mengawal Mangsa?           |            |
| • Nota – Apakah Tanda Amaran yang Mungkin Seseorang Terlibat dalam Proses Pengantunan?             |            |
| <b>Topik 3: Apakah yang Berlaku kepada Mangsa – Trauma dan Kesan?</b>                              | <b>16</b>  |
| Lampiran III:                                                                                      | 18         |
| • <i>Problem Tree</i> Pemerdagangan Orang                                                          |            |
| <b>Topik 4: Bagaimana untuk Memberikan Sokongan kepada Mangsa?</b>                                 | <b>19</b>  |
| Lampiran IV:                                                                                       | 21         |
| • Contoh Sokongan dan Bantuan untuk Mangsa Pemerdagangan Orang                                     |            |
| Lampiran V:                                                                                        | 23         |
| • Contoh Peranan Komuniti dan Masyarakat                                                           |            |
| <b>Topik 5: Rancangan Pelaksanaan untuk Meningkatkan Kesedaran tentang<br/>Pemerdagangan Orang</b> | <b>25</b>  |
| Lampiran VI:                                                                                       | 26         |
| • Contoh Aktiviti untuk Meningkatkan Kesedaran tentang Pemerdagangan Orang                         |            |
| Lampiran VI:                                                                                       | 27         |
| • Contoh Rancangan Pelaksanaan                                                                     |            |

## **PENDEKATAN BERASASKAN *TRAUMA INFORMED APPROACH* (TIA)**

Bahagian ini adalah sebagai panduan kepada setiap fasilitator yang terlibat tentang bagaimana untuk menerapkan atau menggunakan TIA di dalam proses pelaksanaan program Latihan untuk Pelatih ini. Oleh itu, adalah disarankan bagi setiap fasilitator yang akan terlibat di dalam pelaksanaan program ini untuk mempunyai pengetahuan serta kemahiran menggunakan TIA sebelum menjalankan mana-mana aktiviti/program. Berikut adalah perkara atau langkah-langkah sebagai cadangan yang boleh dilakukan oleh setiap fasilitator sebelum, semasa, dan selepas program.

### Sebelum Program

1. Semua fasilitator dan sukarelawan/sukarelawati yang terlibat digalakkan untuk membuat pemeriksaan agar dapat menstabilkan emosi mereka.
  - a. Mengakui bahawa isi kandungan dalam program ini juga boleh memberi kesan kepada fasilitator seperti ianya juga kepada para peserta.
  - b. Amalkan strategi dan kaedah yang dapat membantu fasilitator untuk menstabilkan emosi fasilitator sebelum menjalankan program
2. Memberikan notis lebih awal kepada para peserta tentang topik yang akan dibincangkan Bersama.
  - a. Beritahu para peserta sekurang-kurangnya seminggu sebelum program tersebut dan berikan peringatan sehari sebelum program tersebut.
  - b. Kongsikan juga tujuan dan objektif bagi program dan topik.
  - c. Beritahu para peserta bagaimana (aktiviti) fasilitator akan berjalan bersama mereka di dalam mempelajari dan memahami topik yang akan dibincangkan.
3. Memberikan juga notis lebih awal kepada ibu bapa/penjaga setiap para peserta
  - a. Beritahu kepada ibu bapa/penjaga bahawa para peserta akan diberikan galakkan untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti mengenai Perdagangan Orang. Beritahu mereka tarikh, masa, tempat, aturcara program yang ringkas, dan maklumat penting seperti penggunaan video dan gambar.
  - b. Dapatkan kebenaran ibu bapa melalui borang kebenaran untuk menyertai program ini serta pengambilan gambar dan video anak/jagaan mereka.
  - c. Berikan beberapa cara yang boleh dilakukan oleh ibu bapa/penjaga untuk menghubungi penganjur program bagi mendapatkan maklumat lanjut atau penjelasan mengenai program ini.
4. Mengadakan perbincangan lebih awal dengan guru kepada para peserta
  - a. Beritahu kepada guru-guru bahawa para peserta akan digalakkan untuk mengambil bahagian di dalam aktiviti mengenai Perdagangan Orang. Beritahu mereka tarikh, masa, tempat, aturcara program yang ringkas, dan maklumat penting seperti penggunaan video dan gambar, penggunaan ruang, dll.
  - b. Beritahu juga kepada guru-guru bahawa kemungkinan terdapat peserta/pelajar atau ibu bapa/penjaga yang akan mendapatkan pertolongan daripada guru-guru selepas program ini. Bincangkan beberapa cara yang boleh dilakukan oleh guru untuk menangani situasi tersebut jika ianya berlaku.
5. Jika terdapat sukarelawan/sukarelawati yang akan terlibat di dalam pelaksanaan program ini, berikan mereka maklumat lebih awal tentang bagaimana mereka boleh membantu di dalam menyediakan persekitaran atau suasana yang mempunyai prinsip/pendekatan TIA.

### Semasa Program

1. Persiapan ruang fizikal dan emosi
  - a. Fasilitator digalakkan untuk terlibat di dalam setiap aktiviti untuk menyelaraskan sistem saraf diri berhubung dengan interaksi bersama para peserta.
  - b. Sediakan suasana yang menenangkan dengan menggunakan alat pendorong deria – musik, gambar rajah, dan alat-alat untuk mengekspresi secara kreatif.
  - c. Jika boleh, susunkan kerusi dalam kedudukan separa bulatan atau/dan bulatan (semasa perbincangan kumpulan).
  - d. Susunkan kerusi para peserta dengan jarak yang memberikan ruang di antara peserta bagi memberikan keselesaan kepada mereka untuk bergerak.
  - e. Lakukan bersama-sama dengan para peserta aktiviti fizikal (lompat bintang, senaman setempat yang ringan, menari, yoga), kraft tangan dan seni lukis, serta berikan makanan dan minuman sihat yang boleh menstabilkan emosi mereka.
2. Orientasi ruang pada awal program
  - a. Membawa tubuh, minda, dan emosi mereka pada masa tersebut (*mindfulness*).
  - b. Ajak para peserta menyebut apa yang ada di sekeliling mereka pada masa tersebut.
  - c. Galakkan para peserta untuk menarik nafas yang dalam dengan menumpukan kepada pernafasan mereka.
  - d. Ingatkan para peserta untuk menjaga keselamatan diri – contohnya mencuci tangan, menutup mulut apabila batuk/bersin, dll.
3. Harapan penglibatan
  - a. Beritahu para peserta bahawa mereka diharapkan untuk melibatkan diri sebaik yang mereka boleh lakukan sepanjang program ini.
  - b. Beritahu juga kepada para peserta bahawa fasilitator sentiasa ada untuk membantu mereka.
4. Normalisasikan perasaan/emosi
  - a. Kongsikan sebarang perasaan yang tidak selesa yang mungkin dialami oleh fasilitator ketika menyampaikan/berkongsi maklumat di dalam program ini.
  - b. Beritahu kepada para peserta bahawa ianya adalah normal jika mereka merasa cemas, risau, tertekan, tidak selesa, atau gabungan beberapa emosi tentang topik-topik yang disentuh di dalam program ini. Beritahu mereka kepentingan untuk mempunyai pengetahuan bagaimana untuk menamatkan jenayah Perdagangan Orang.
5. Fleksibiliti
  - a. Fasilitator perlu menggunakan pendekatan dengan pemikiran yang fleksibel. Sentiasa bersedia untuk melakukan perubahan apabila perlu.
  - b. Bertemu dengan para peserta pada tahap kemampuan mereka. Di dalam program ini, berpusatkan kepada para peserta – keperluan mereka, pengalaman belajar mereka, tahap kefahaman mereka, dan sebagainya – bukan hasil program atau hasil fasilitator.
6. Kaedah menenangkan diri
  - a. Kongsikan kepada para peserta satu atau dua cara bagaimana mereka boleh menenangkan diri semasa aktiviti berjalan jika mereka mula merasa cemas atau tidak selesa. Contohnya minum air, menarik nafas yang dalam, menggerakkan bahu, dll.
7. Nada Suara dan peringatan perlu disertakan di sepanjang program
  - a. Bahasa: Gunakan bahasa yang menjemput berbanding memberikan arahan.
  - b. Penglibatan: Berikan pilihan kepada para peserta dari segi bagaimana mereka ingin melibatkan diri. Contohnya sama ada mereka ingin mengongsi jawapan mereka melalui bercakap atau menulis.
  - c. Pemeriksaan emosi: Gunakan alat bantu pemeriksaan emosi di awal, akhir, dan sepanjang masa program untuk melihat bagaimana emosi mereka, jika mereka

memerlukan rehat, merasa tertekan, perlu mengubah pergerakan, atau mereka OK untuk meneruskan aktiviti. Fasilitator boleh pertimbangkan untuk menggunakan *mood meter*, cuaca emosi, dan sebagainya. Sediakan beberapa cara untuk para peserta mengongsikan perasaan/emosi mereka.

### Selepas Program

#### 1. Menstabilkan emosi

- a. Peserta: Berikan perhatian kepada tingkah laku peserta sepanjang hari, minggu atau bulan. Kadang-kadang tekanan yang disebabkan oleh trauma tidak mudah dilihat sehingga beberapa hari atau minggu selepas sesebuah program. Berikan peluang yang mencukupi untuk para peserta – sejurus selepas program tetapi juga sepanjang minggu tersebut – untuk para peserta menstabilkan emosi mereka. Lakukan tindakan susulan dengan bertanya kepada para peserta atau guru tentang keadaan emosi mereka.
- b. Fasilitator: Mewujudkan peluang tambahan untuk penjagaan/rawatan, sejurus selepas program, sepanjang hari, di waktu malam, dan sepanjang minggu, selama yang diperlukan.

#### 2. Terus memproses

- a. Galakkan para peserta untuk memproses apa yang mereka pelajari/terokai dalam program ini dengan orang dewasa yang mereka percayai apabila mereka berada di rumah (ibu bapa, adik beradik, nenek, datuk, pak cik, mak cik, dll.).
- b. Tanya para peserta apakah cara yang sesuai untuk terus berkomunikasi selepas program – Messenger, WhatsApp, Telegram, dll.
- c. Jemput para peserta untuk menulis apa yang ada dalam fikiran atau perasaan mereka pada buku jurnal mereka – jika mereka tidak mempunyai buku jurnal, fasilitator boleh menyediakannya dan memberikan kepada para peserta.
- d. Selepas beberapa hari, minggu, dan bulan, fasilitator boleh memberikan peluang kepada para peserta untuk mengenalpasti emosi mereka lagi (secara umum atau mengenai Perdagangan Orang).

## Topik 1: Asas Pemerdagangan Orang

|          |                                                                                                                               |                     |
|----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| Objektif | 1. Pelajar dapat memahami secara ringkas tentang Pemerdagangan Orang.<br>2. Pelajar dapat memahami tiga unsur konstituen TIP. | 60 Minit<br>(1 Jam) |
|----------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|

### Pendahuluan (10 minit)

1. Jemput para peserta untuk mengangkat tangan atau berdiri jika mereka pernah mendengar tentang 'Pemerdagangan Orang'.
2. Kemudian, tanya kepada 2 atau 3 orang dari kalangan yang mengangkat tangan apa yang mereka faham/tahu tentang pemerdagangan orang.
3. Fasilitator hanya dengarkan jawapan dan mengucapkan terima kasih atas perkongsian yang mereka.
4. Selepas itu, ajak para peserta untuk menonton sebuah video.

### Isi Utama (40 minit)

1. Selepas menonton video tersebut, tanyakan perasaan para peserta. Fasilitator boleh meminta para peserta mengongsikan perasaan mereka sama ada secara langsung atau dengan menggunakan *sticky note*.
2. Kemudian, selepas memproses perasaan para peserta, fasilitator bolehlah memperkenalkan tentang 'Pemerdagangan Orang' (sila rujuk nota pada Lampiran I).
3. Selepas itu, ajak para peserta untuk melakukan perbincangan kumpulan. Di dalam aktiviti ini, setiap kumpulan perlu mengenalpasti sama ada situasi yang diberikan adalah Pemerdagangan Orang atau bukan. Fasilitator perlu menyediakan 3 atau 5 situasi bagi aktiviti ini.
4. Berikan masa selama 5 minit kepada para peserta untuk melakukan aktiviti tersebut sebelum fasilitator membincangkan jawapan bersama-sama dengan peserta.

### Kesimpulan (10 minit)

1. Sebelum mengakhiri topik ini, fasilitator bolehlah menekankan semula kepada para peserta agar sentiasa berwaspada dengan unsur-unsur pemerdagangan orang yang telah dikongsikan.
2. Katakan kepada peserta bahawa selain daripada mengetahui apa itu pemerdagangan orang, setiap orang juga perlu tahu proses yang dilakukan oleh si pemangsa/penjenayah/pelaku untuk memerangkap seseorang menjadi mangsa pemerdagangan orang.
3. Beritahu para peserta bahawa perkara ini akan disentuh dalam topik yang seterusnya iaitu tentang Proses Pengantunan (*Grooming*) dalam Pemerdagangan Orang.

## LAMPIRAN I

### Apakah Pmerdagangan Orang?

Perkataan “pmerdagangan” ditakrifkan dalam kamus sebagai “perbuatan menjalankan pmerdagangan atau perniagaan, terutamanya yang haram”. Ini menunjukkan ciri-ciri jenayah aktiviti pmerdagangan, sama ada pengedaran dadah, senjata, atau manusia.

Pmerdagangan Orang (*trafficking in persons – TIP*), atau juga dikenali sebagai pmerdagangan manusia (*human trafficking*), adalah fenomena global yang mempengaruhi setiap negara di dunia. Setiap negara boleh menjadi negara asal, transit dan/atau destinasi untuk TIP. TIP adalah salah satu jenayah paling serius yang mengeksploitasi seseorang untuk keuntungan dan melanggar hak asasi serta merampas maruah dan kebebasan orang tersebut.

Pada tahun 2000, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menerbitkan Konvensyen PBB menentang Jenayah Merentasi Sempadan atau *United Nations Convention Against Transnational Organized Crime* (UNTOC) dan Protokol Tambahan, yang termasuk Protokol untuk Mencegah, Menyekat dan Menghukum Pmerdagangan Orang, terutamanya Wanita dan Kanak-Kanak. Protokol Tambahan ini yang lebih dikenali sebagai Protokol Palermo atau Protokol TIP, ialah instrument utama antarabangsa dan paling berpengaruh dalam TIP. Ia menetapkan definisi pertama TIP dan menyediakan penanda aras yang digunakan oleh negara lain untuk menentukan TIP dalam perundangan masing-masing.

Perkara/Artikel 3 Protokol TIP memberikan definisi TIP:

“Pmerdagangan Orang” bermaksud perbuatan merekrut, mengangkut, memindahkan, melindungi, menyediakan atau menerima seseorang, melalui ancaman atau penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan lain, pemelarian, penipuan, perdayaan, penyalahgunaan kuasa, penyalahgunaan kedudukan orang yang rentan atau mudah terdedah kepada bahaya perbuatan pmerdagangan orang, atau pemberian/ penerimaan bayaran atau faedah untuk mencapai persetujuan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang lain, untuk tujuan eksploitasi. Eksploitasi hendaklah termasuk, sekurang-kurangnya, eksploitasi pelacuran orang lain atau bentuk eksploitasi seksual lain, buruh atau perkhidmatan paksa, perhambaan atau amalan serupa dengan perhambaan, pengabdian atau pemindahan organ.

Protokol TIP menerangkan bahawa TIP mempunyai tiga unsur konstituen:

- i. **ACT: PERBUATAN** (apa yang dilakukan);
- ii. **MEANS: CARA** (bagaimana ia dilakukan); dan
- iii. **PURPOSE: TUJUAN** (mengapa ia dilakukan - tujuan Eksploitasi).

Ketiga-tiga unsur mesti ada untuk jenayah pmerdagangan ditetapkan.

Walaupun pada permukaannya, indikator unsur-unsur mungkin dipenuhi, penguatkuasa undang-undang dan pendakwa perlu menyiasat dan membuktikan setiap unsur mengikut undang-undang supaya kes pmerdagangan dikenalpasti secara rasmi.

| PERBUATAN                                                                                                                                              | CARA                                                                                                                                                                                                                                                                            | TUJUAN                                                                                                                                                                                        |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• merekrut</li> <li>• mengangkut</li> <li>• memindahkan</li> <li>• melindungi</li> <li>• menyediakan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• ancaman, penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan yang lain pemelarian penipuan perdayaan</li> <li>• penyalahgunaan kuasa atau kedudukan</li> </ul>                                                                                    | <ul style="list-style-type: none"> <li>• eksploitasi eksploitasi pelacuran orang lain atau bentuk eksploitasi seks yang lain buruh atau</li> </ul>                                            |
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• menerima</li> </ul>                                                                                           | <ul style="list-style-type: none"> <li>• orang yang mudah terdedah kepada bahaya perbuatan pemerdagangan orang</li> <li>• pemberian atau penerimaan bayaran atau faedah untuk memperoleh kerelaan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang yang diperdagangkan</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>• perkhidmatan paksa</li> <li>• perhambaan atau amalan yang menyerupai perhambaan</li> <li>• pengabdian</li> <li>• pemindahan organ manusia</li> </ul> |

### Perbuatan (Apa yang dilakukan)

Unsur perbuatan memperdagangkan seseorang merujuk kepada apa yang sedang dilakukan kepada orang itu untuk memperkenalkan atau membawa orang itu ke dalam senario pemerdagangan, dan melibatkan tindakan berikut:

- Merekrut selalunya merupakan titik permulaan pemerdagangan orang. Ia melibatkan perbuatan mengumpun orang itu ke dalam situasi pemerdagangan, biasanya melalui penggunaan perdayaan seperti perjanjian peluang pekerjaan yang baik atau ganjaran ekonomi lain, dan dalam beberapa kes, melalui penggunaan kekerasan, seperti penculikan atau pemelarian.
- Pengangkutan merujuk kepada sebarang bentuk pengangkutan (melalui darat, udara, atau laut) untuk memindahkan mangsa dari satu tempat ke tempat lain, seperti dari negara asal mangsa ke negara lain, atau dari satu negeri ke negeri lain dalam negara asal.
- Pemindahan berlaku apabila orang yang diperdagangkan dipindahkan dari satu orang kepada orang lain, seperti daripada ejen kepada majikan.
- Melindungi pelaku apabila orang yang diperdagangkan disimpan, biasanya di dalam rumah, pangsapuri, hotel atau premis kilang. Melindungi biasanya dikaitkan dengan sekatan kebebasan bergerak (terutamanya untuk kes pemerdagangan seks atau buruh paksa), menahan *passport*, di bawah pengawasan, diasingkan atau disimpan di bawah kurungan.
- Menyediakan atau menerima merujuk kepada tindakan menerima orang yang diperdagangkan, biasanya untuk menyembunyi, mengeksploitasi untuk keuntungan atau pemindahan kepada orang lain.

## Cara (Bagaimana ia dilakukan)

Cara merujuk kepada kaedah yang digunakan oleh pelaku/pemerdagang untuk menarik mangsa mereka ke dalam situasi perdagangan, mengekalkan kawalan ke atas mangsa dan membuat mangsa melakukan apa yang dikehendaki oleh pelaku/pemerdagang. Taktik tersebut termasuk penggunaan:

- Ancaman atau penggunaan kekerasan atau bentuk paksaan lain.
- Selalunya, Pelaku/Pemerdagang menggunakan keganasan atau ancaman keganasan sebagai taktik kawalan ke atas mangsa mereka. Selalunya, ancaman bahawa mangsa atau orang tersayang mereka akan dcederakan secara fizikal atau seksual sudah memadai untuk mewujudkan suasana ketakutan untuk mengekalkan kawalan ke atas mangsa. Tujuannya adalah untuk menimbulkan rasa takut kepada mangsa supaya mereka mematuhi tuntutan pemerdagang. Bentuk paksaan tidak terhad kepada paksaan fizikal sahaja tetapi juga paksaan bukan fizikal/psikologi, yang termasuk penggunaan ikatan hutang (*debt bondage*), penahanan pasport atau upah untuk menghalang mangsa daripada meninggalkan pekerjaan itu.
- Pemelarian/Penculikan: Ini merujuk kepada perbuatan membawa pergi seseorang secara paksa atau menggunakan ancaman.
- Fraud/Penipuan: Ini adalah apabila pelaku/pemerdagang sengaja menyalahgambarkan kebenaran kepada mangsa untuk mendorong mangsa supaya bertindak atau melakukan sesuatu berdasarkan kenyataan pemerdagang yang akhirnya akan merugikan mangsa. Sebagai contoh, pemerdagang mengenakan bayaran kepada mangsa untuk dokumen perjalanan dan permit kerja di Malaysia tetapi dokumen tersebut ternyata palsu; ejen pekerjaan menyediakan kontrak pekerjaan untuk ditandatangani mangsa tetapi kontrak itu palsu dan pekerjaan itu tidak wujud. Mangsa mungkin telah meminjam wang daripada pemerdagang untuk membayar dokumen kerja atau untuk mendapatkan pekerjaan itu, dan kini mendapati dirinya berada dalam keadaan ikatan hutang di mana dia terpaksa bekerja dalam keadaan yang tidak menguntungkan untuk membayar hutang.
- Perdayaan: Ini melibatkan penggunaan helah, skim, atau pembohongan oleh pemerdagang untuk mengelirukan mangsa untuk mendapatkan apa yang dimahukan oleh pelaku/pemerdagang. Sebagai contoh, seorang pelaku/pemerdagang boleh memperdayakan seseorang ke dalam situasi perdagangan dengan meyakinkan orang itu untuk datang ke Malaysia untuk mendapatkan pekerjaan yang bergaji tinggi dalam bidang permodelan atau untuk menyertai pertandingan kecantikan, tetapi apabila dia/mangsa tiba di Malaysia, dia dipaksa ke dalam eksploitasi seks.
- Seseorang mangsa juga boleh diperdaya atau dipersiapkan (*grooming*) untuk menjalin hubungan romantik, supaya diperdagangkan untuk eksploitasi seks selepas mangsa telah tergoda ke dalam situasi perdagangan.
- Penyalahgunaan kuasa atau kedudukan kerentanan/kelemahan: Seorang pelaku/pemerdagang yang berada di kedudukan kawalan atau kuasa ke atas orang lain boleh menyalahgunakan kuasanya untuk mengeksploitasi orang lain atau menyalahgunakan kerentanan/kelemahan orang lain untuk faedah pelaku/pemerdagang. Sebagai contoh, pasangan, ibu bapa, saudara, guru atau majikan boleh menyalahgunakan kuasanya untuk mengeksploitasi mangsa di bawah kuasanya dengan memaksa mangsa ke dalam aktiviti terlarang untuk mendapatkan keuntungan. Kelemahan mangsa termasuk kemiskinan, status tanpa dokumen, buta huruf, boleh disalahgunakan oleh pelaku/pemerdagang untuk tujuan eksploitasi. Mangsa berada di bawah pengaruh atau kawalan pelaku/pemerdagang dan tidak mempunyai pilihan lain selain tunduk kepada eksploitasi oleh pelaku/pemerdagang.
- Memberi atau menerima bayaran atau faedah untuk mencapai persetujuan seseorang yang mempunyai kawalan ke atas orang lain.

- Contoh situasi sedemikian ialah apabila pelaku/pemerdagang membayar ibu bapa atau memberikan mereka beberapa faedah sebagai pertukaran untuk memberikan anak mereka kepada pelaku/pemerdagang yang akan menggunakan kanak-kanak itu untuk pornografi atau dijual sebagai pengantin perempuan.

### **Tujuan (Mengapa ia dilakukan)**

Tujuan merujuk kepada objektif seseorang itu diperdagangkan, iaitu mengeksploitasi orang yang diperdagangkan untuk faedah atau keuntungan ekonomi pelaku/pemerdagang. Pemerdagangan mengeksploitasi orang lain untuk pelbagai tujuan yang melibatkan, sekurang-kurangnya:

- Pelacuran orang lain atau bentuk eksploitasi seksual yang lain: Ini melibatkan situasi seperti apabila seseorang yang diperdagangkan untuk eksploitasi seksual dipaksa untuk melakukan perbuatan seksual yang mana pemerdagangan itu mendapat keuntungan; seorang pelaku/pemerdagang membeli seorang gadis muda daripada ibu bapanya dan mengeksploitasinya untuk kandungan pornografi kanak-kanak dalam talian yang dia jual untuk keuntungan.
- Buruh atau perkhidmatan paksa: Seseorang yang diperdagangkan untuk kerja atau perkhidmatan paksa disuruh untuk bekerja atau menyediakan perkhidmatannya di bawah ancaman hukuman dan biasanya di bawah terma dan syarat yang tidak menguntungkan, seperti gaji yang sedikit atau tiada langsung, potongan akibat ikatan hutang, waktu bekerja yang panjang, keadaan kerja dan kehidupan yang menyedihkan.
- Perhambaan atau amalan yang serupa dengan perhambaan: Ini melibatkan situasi apabila seseorang berada di bawah kawalan orang lain sehingga dia tidak dapat melaksanakan kehendaknya dalam menentukan perjalanan hidupnya. Situasi sedemikian mungkin timbul melalui institusi ikatan hutang, di mana orang itu dicagarkan kepada pemberi pinjaman untuk menyediakan buruh atau perkhidmatan sebagai jaminan dan pembayaran balik hutang; di mana seorang wanita atau gadis diberikan untuk dikahwinkan oleh keluarganya yang menerima bayaran dalam bentuk wang atau barangan dan dia tidak dapat menolak; atau suami wanita itu memindahkannya kepada orang lain untuk bayaran tanpa diberi hak untuk menolak.
- Pengabdian: Ini melibatkan situasi di mana seseorang diperdagangkan sebagai seorang pembantu rumah berada di bawah kawalan majikan dan tidak mempunyai kebebasan. Dalam situasi pengabdian, orang itu sering terpaksa bekerja berjam-jam, kadangkala bekerja di beberapa premis, dipaksa bekerja setiap hari dengan gaji yang sedikit atau tanpa gaji, dan selalunya secara lisan, fizikal dan kadangkala didera secara seksual oleh majikan atau ahli rumah. Biasanya, orang yang diperdagangkan tidak dibenarkan untuk meninggalkan rumah tanpa pengawasan, tidak dibenarkan berkomunikasi dengan keluarga atau orang luar, dan pasportnya dirampas oleh majikan.
- Pemindahan organ: Seseorang boleh diperdagangkan untuk pemindahan organ, seperti buah pinggang, hati, jantung, dan mata, kerana permintaan yang tinggi untuk penggantian organ. Aktiviti ini selalunya dilakukan di klinik sulit yang melakukan pemindahan organ secara haram. Dalam sesetengah kes, orang yang diperdagangkan mungkin dibunuh untuk mengambil organnya.

### **Bentuk Eksploitasi Lain**

Ini termasuklah memperdagangkan orang seperti kanak-kanak dan orang tua untuk mengemis secara paksa, memaksa orang yang diperdagangkan melakukan jenayah kecil atau aktiviti haram lain, memperdagangkan wanita untuk menghamilkan mereka dan menjual bayi-bayi tersebut.

### **Persetujuan adalah Tidak Relevan**

Perkara 3 Protokol TIP memperuntukkan bahawa persetujuan mangsa perdagangan orang kepada eksploitasi yang dimaksudkan adalah tidak relevan di mana ada daripada cara seperti yang diterangkan dalam Protokol TIP telah digunakan. Ini berdasarkan pandangan bahawa tiada siapa boleh bersetuju untuk dieksploitasi. Penggunaan pelbagai bentuk cara oleh pedagang untuk memerangkap dan mengekalkan kawalan keatas mangsa menunjukkan kekurangan persetujuan bebas dan termaklum di pihak mangsa.

### **Mangsa di Bawah Umur**

Cara adalah tidak relevan untuk kanak-kanak bawah umur. Perkara 3. Protokol TIP memperuntukkan bahawa mana-mana orang di bawah umur lapan belas tahun dianggap sebagai kanak-kanak, dan dalam kes di mana mangsa adalah kanak-kanak, unsur cara adalah tidak relevan. Adalah memadai untuk membuktikan perbuatan dan tujuannya. Secara amnya, kanak-kanak di bawah umur lapan belas tahun dianggap tidak cukup matang untuk memberikan persetujuan mereka.

## Topik 2: Proses Pengantunan (*Grooming*) dalam Pemerdagangan Orang

|          |                                                                                                                                                                     |                     |
|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| Objektif | 1. Pelajar dapat memahami proses pengantunan dalam Pemerdagangan Orang.<br>2. Pelajar dapat mengenalpasti tanda-tanda amaran dalam pengantunan ( <i>grooming</i> ). | 60 Minit<br>(1 Jam) |
|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|

### Pendahuluan (10 minit)

1. Imbas kembali isi utama dari Topik 1 secara ringkas.
2. Kemudian, fasilitator beritahu para peserta objektif untuk Topik 2.
3. Tanya para peserta apakah yang mereka faham tentang maksud **Pengantunan/*Grooming***. Jika para peserta segan/malu untuk bercakap, fasilitator bolehlah menggunakan cara lain seperti menjemput peserta menulis pada *sticky notes*, atau melukis, atau mencantumkan cebisan kad, dll.
4. Fasilitator dengarkan sahaja jawapan para peserta dan ucapkan terima kasih.
5. Selepas itu, jelaskan maksud **Pengantunan/*Grooming*** untuk memberikan pemahaman yang sama bagi semua orang (sila rujuk nota pada Lampiran II).

### Isi Utama (40 minit)

1. Terlebih dahulu fasilitator memperkenalkan 6 proses **Pengantunan/*Grooming*** tanpa penjelasan bagi setiap kategori.
2. Kemudian, menjemput para peserta untuk melakukan aktiviti berkumpul. Di dalam aktiviti ini, setiap kumpulan perlu memadankan Kategori (Proses) dengan Penjelasan yang betul.
3. Berikan masa 5 minit kepada para peserta untuk aktiviti ini dilakukan.
4. Selepas itu, tenangkan para peserta sebelum membawa mereka membincangkan jawapan yang betul.
5. Apabila selesai, fasilitator kemudiannya mengongsikan 'Tanda Amaran yang Mungkin Seseorang Terlibat Dalam Proses Pengantunan'.

### Kesimpulan (10 minit)

1. Sebelum mengakhiri Topik 2, sekali lagi fasilitator tekankan tentang 6 proses pengantunan dan tanda amaran dalam proses **Pengantunan/*Grooming*** yang telah dibincangkan.
2. Kemudian, tanya para peserta adakah mereka tahu apakah kesan pemerdagangan orang kepada mangsa?
3. Beritahu kepada mereka bahawa perkara ini akan dibincangkan di dalam Topik 3.
4. Beritahu para peserta bahawa perkara ini juga penting untuk mereka ketahui agar mereka lebih memahami mengapa jenayah pemerdagangan orang perlu dihapuskan dan seterusnya menguatkan lagi keinginan mereka untuk mencegah atau menghapuskan jenayah pemerdagangan orang.

## LAMPIRAN II

### **Apa itu Pengantunan/*Grooming*?**

Ringkasnya, pengantunan/*grooming* ialah proses yang digunakan oleh pelaku/pemerdagang orang untuk mengenalpasti dan akhirnya mengawal seseorang untuk tujuan memperdagangkan mereka.

### **Bagaimana Pelaku Melakukan Pengantunan dan Mengawal Mangsa?**

"Begitupun dia boleh percayakah?."

"Kalau saya jadi dia, saya akan beritahu seseorang!"

"Kalau saya, boleh nampak sudah menipu."

Jika anda tidak pernah disasarkan oleh pelaku - atau berada dalam apa-apa jenis perhubungan yang kasar atau manipulatif - anda mungkin berfikir bahawa tiada apa pun yang akan meyakinkan anda untuk melakukan hubungan seks demi wang.

Realitinya, kebanyakan daripada kita akan terkejut dengan apa yang boleh dimanipulasi untuk dilakukan, dengan kombinasi faktor luaran yang betul dalam permainan. Pelaku pemerdagang orang adalah pakar dalam mencari kelemahan seseorang, bekerja dari pelbagai sudut, memanipulasi realiti dan memanfaatkan ketakutan. Proses itu dipanggil **Pengantunan** atau ***Grooming***. Ia adalah rancangan rapi, disengajakan dan berjaya. Sesungguhnya, ini adalah cara yang paling biasa bagi orang (orang dewasa dan kanak-kanak) terlibat dalam situasi perdagangan seks. Perdagangan seks jarang sekali bermula dengan penculikan ganas, atau dengan orang asing sama sekali. Ia bermula dengan seseorang yang mangsa kenali, dan biasanya disayangi atau dipercayai. Walaupun setiap situasi adalah berbeza,

Proses **Pengantunan/*Grooming*** secara keseluruhan biasanya melibatkan langkah-langkah berikut:

#### ***Mengenal Pasti Mangsa***

Pelaku/Pemerdagang Orang mahir mengenal pasti orang yang mempunyai kelemahan atau keperluan yang ketara. Mereka mungkin menjelajahi lokasi tertentu seperti stesen bas, tempat perlindungan atau pusat membeli-belah tempatan mencari seseorang yang tidak mempunyai tempat tinggal yang selamat atau orang yang mungkin boleh mereka pikat dengan pujian dan perhatian. Atau mereka mungkin boleh mengenal pasti sesiapa sahaja (orang dewasa atau kanak-kanak) dalam kehidupan mereka yang mengalami situasi rentan - seseorang yang telah melalui perpisahan yang teruk, mempunyai harga diri yang rendah, kesepian, atau terlalu muda untuk memahami. Media sosial juga telah menyediakan pelaku cara yang mudah untuk mencari dan grooming mangsa mereka. Mereka boleh mengenal pasti individu yang rentan/terdedah di seluruh negara atau menyasarkan mereka secara geografi menggunakan aplikasi berasaskan lokasi.

### ***Mendapatkan Kepercayaan Mangsa***

Setelah pelaku mengenal pasti mangsa mereka, mereka juga perlu mendapatkan kepercayaan orang itu. Mereka mungkin mempunyai beberapa perbualan di mana mereka membentuk ikatan atas kepentingan bersama atau berpura-pura mengambil berat tentang apa yang mereka alami. Mereka akan menyamar sebagai pendengar yang baik, sangat mengambil berat, sambil mereka mencari tahu lebih lanjut tentang perkara yang boleh mereka lakukan untuk melibatkan diri mereka dengan lebih mendalam dalam kehidupan mangsa. Atau, dalam situasi di mana pelaku mungkin sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan mangsa - seperti ahli keluarga - ia mungkin datang dengan lebih mudah. Walau apa pun, pelaku akan mendapatkan kepercayaan dan mengumpul maklumat yang kemudiannya boleh digunakan untuk memanipulasi mangsa mereka.

### ***Memenuhi Keperluan Mangsa***

Sebaik sahaja pelaku mendapat kepercayaan dan memahami keperluan mangsa, pelaku akan menawarkan penyelesaian untuk memenuhi keperluan tersebut. Bergantung pada mangsa, keperluan ini mungkin fizikal – seperti tempat tinggal yang selamat atau pekerjaan untuk membantu mereka menjaga diri sendiri atau keluarga mereka – atau sesuatu yang kurang ketara seperti cinta, kasih sayang dan rasa kekitaan (rasa diperlukan) atau keyakinan. Dengan memenuhi keperluan ini, pelaku memperoleh kuasa - kuasa untuk menyediakan dan memberi ancaman - selalunya tidak diucapkan - untuk mengambil apa yang mangsa fikir telah mereka perolehi.

### ***Pengasingan***

Pelaku perlu meletakkan diri mereka di tengah-tengah kehidupan mangsa untuk mewujudkan pergantungan hampir sepenuhnya. Untuk berbuat demikian, mereka menjauhkan mangsa daripada sesiapa sahaja yang mungkin melemahkan pengaruh mereka atau bercanggah dengan mesej yang mereka sediakan. Pelaku mungkin membuat komen sambil lewa tentang bagaimana mereka tidak menyukai rakan mangsa atau membuat mangsa menjadi semakin bergantung kepada mereka - dengan memandu mereka ke sekolah atau bekerja dan berada di sana untuk menjemput mereka. Dengan mengasingkan mangsa mereka, pelaku menyukarkan mangsa untuk menghubungi orang lain untuk mendapatkan bantuan di kemudian hari.

### ***Eksplotasi***

Cara pelaku memulakan proses mengeksploitasi mangsa mereka tidak selalunya ketara. Mereka mungkin mula perlahan-lahan, dengan mendorong mangsa mereka melakukan perkara yang mangsa tidak selesa, seperti meminta mangsa melakukan hubungan seks dengan kawan si pelaku, atau mengatur temujanji untuk mangsa sebagai cara untuk mendapatkan wang dengan cepat. Lama kelamaan, mangsa mungkin mempercayai bahawa apa yang diminta mereka lakukan adalah "normal". Malah mangsa mungkin berasa seperti mereka berhutang kepada pelaku untuk semua yang telah pelaku lakukan untuk mereka atau percaya kepada pelaku apabila mereka mengatakan bahawa keadaan itu hanya sementara sahaja atau cara untuk mereka mencapai matlamat bersama, seperti keluar dari pemerdagangan seks dan memulakan keluarga - atau memastikan keluarga sedia ada tetap bersama.

## ***Mengekalkan Kawalan***

Selepas pelaku mewujudkan kawalan ke atas mangsa mereka, mereka perlu menyusun strategi dengan teliti untuk mengekalkannya. Strategi ini berbeza bergantung pada orang atau situasi. Dalam banyak kes, kekuatan fizikal tidak diperlukan. Pelaku mungkin mengekalkan mangsa mereka dalam situasi perdagangan dengan terus mengasingkan mereka, mengancam mereka atau orang yang mereka sayangi jika mereka cuba untuk lari, mengawal mereka melalui ketagihan mereka, atau bahkan memanipulasi perasaan mereka. Kadang-kadang kehilangan idea, ilusi cinta, sudah cukup untuk mengekalkan seseorang dalam situasi perdagangan.

Tujuan proses pengantunan adalah untuk pelaku dapat mengawal sepenuhnya dan memanipulasi mangsa untuk bekerjasama dalam eksploitasi mereka.

## ***Apakah Tanda Amaran yang Mungkin Seseorang Terlibat dalam Proses Pengantunan?***

Memang agak sukar untuk melihat proses pengantunan dari luar perhubungan - tetapi ia tidak mustahil. Berikut merupakan empat tanda penting bahawa seseorang yang anda kenali sedang dipersiapkan/*digrooming* untuk perdagangan:-

### **1. Benda baru yang mahal/mewah**

Berhati-hati dengan hadiah yang luar biasa mahal atau yang tidak kena pada tempat (bukan hari jadi) yang bukan dari ibu bapa/orang yang biasa bagi hadiah. Ini mungkin tanda pengantunan kerana pelaku/pemerdagang sering melihat pembelian hadiah yang mahal atau mewah sebagai pelaburan dalam produk mereka.

### **2. Perubahan Drastik Dalam Tingkah Laku dan Sikap**

Perubahan yang sangat ketara dalam tingkah laku atau sikap seseorang boleh menjadi tanda pengantunan. Walaupun kemurungan remaja bukanlah sesuatu yang luar biasa, perhatikan dengan teliti jika sikap orang tersebut berubah secara drastik tanpa sebab yang jelas. Gali lebih mendalam untuk mengetahui punca perubahan ini dengan mempertimbangkan soalan seperti: Adakah perubahan tingkah laku berkaitan dengan kerja sekolah? Ada drama dengan kawan? Adakah dia dibuli? Adakah perubahan berlaku selepas pengaruh baru dalam hidupnya? (kawan baru, bf/gf baru)

### **3. Kawan Baru**

Pelaku sering berhubung dengan bakal mangsa melalui media sosial atau dengan "secara tidak sengaja" terserempak dengan mereka di ruang yang kelihatan selamat seperti acara gereja atau komuniti. Sebaik sahaja hubungan awal diwujudkan, pelaku selalunya akan memisahkan bakal mangsa daripada mereka yang penting bagi mangsa untuk mendapatkan kawalan. Apabila ini berlaku, anda mungkin melihat perubahan dalam diri rakan anda apabila mereka menarik diri atau menjauh daripada orang yang mereka kenali.

Sebaik sahaja mangsa telah dibawa untuk mengubah kumpulan rakan mereka, pelaku juga sering memaksa mangsa untuk merekrut orang lain dengan berkawan dengan bakal mangsa baharu dengan cara yang sama. Mangsa yang diperdagangkan mungkin bermegah tentang betapa hebatnya pelaku/pemerdagang mereka (selalunya merujuk mereka sebagai abang, bapa saudara atau bos) dan boleh mengundang bakal mangsa ke pesta di mana pelaku itu diperkenalkan.

#### **4. Memutuskan Hubungan**

Selain mengasingkan mangsa daripada orang yang mereka sayang/ percayai, pelaku juga akan memaksa mangsa untuk melepaskan perkara yang mereka suka lakukan. Matlamat pelaku adalah untuk mengasingkan mangsa daripada segala-galanya yang dia biasa lakukan supaya dapat melaksanakan kawalan penuh dan menjadi satu-satunya perkara yang mangsa bergantung dan suka.

Jika seseorang yang kamu kenal tiba-tiba melepaskan diri daripada perkara yang dia suka lakukan, seperti hobi, aktiviti selepas sekolah, kumpulan rakan, dan lain-lain, ia boleh menjadi tanda pengantunan/*grooming*.

Bercakaplah dengan orang yang anda sayangi - keluarga anda atau rakan anda. Beri perhatian kepada perkara yang kelihatan tidak betul, atau salah, kawan baru rakan anda yang enggan bertemu, kanak-kanak yang marah sepanjang masa tetapi tidak dapat menjelaskan sebabnya, "lelaki/wanita impian" yang menghadihkannya dengan hadiah yang kelihatan tidak sesuai, dan sebagainya.

Berjanjilah untuk mendidik diri anda dan bercakap dengan orang yang anda sayangi jika anda bimbang mereka sedang di *grooming*. Ini adalah perbualan yang sukar dilakukan tetapi ia boleh menyelamatkan seseorang daripada menjadi mangsa. Memahami proses pengantunan/*grooming* adalah langkah pertama.

Mangsa ada di sekeliling kita. Belajarlah untuk mengenal tanda-tanda proses pengantunan/*grooming* dan ambillah tindakan yang sewajarnya.

### Topik 3: Apakah yang Berlaku kepada Mangsa – Trauma dan Kesan?

|          |                                                                                                          |                              |
|----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|
| Objektif | 1. Peserta dapat mengenalpasti dan memahami trauma dan kesan yang dialami oleh mangsa perdagangan orang. | 90 Minit<br>(1 Jam 30 Minit) |
|----------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------|

#### Pendahuluan (10 minit)

1. Sebagai pendahuluan, fasilitator perkenalkan topik kepada para peserta.
2. Tanyakan kepada para peserta, menurut pemahaman mereka masing-masing 'Apakah itu 'Trauma' dan 'Kesan'?'
3. Dengarkan semua jawapan daripada para peserta. Fasilitator perlu ingat bahawa tidak ada jawapan yang salah bagi soalan ini kerana jawapan para peserta adalah berdasarkan pemahaman dan pengetahuan mereka masing-masing. Oleh itu, ucapkan 'terima kasih' bagi setiap jawapan yang diberikan.
4. Kemudian kongsi maksud 'Kesan' dan definisi 'Trauma' berdasarkan kamus atau sumber-sumber yang boleh dipercayai contohnya dari IOM, ILO, dan sebagainya. Fasilitator boleh menjemput seorang atau semua peserta untuk membacakan maksud dan definisi bagi perkataan tersebut yang dipaparkan melalui *Power Point*.
5. Selepas itu, fasilitator boleh memberikan contoh situasi untuk memberikan gambaran lebih jelas. Contoh situasi:

**Rumah Ana terbakar dan Ana juga menjadi mangsa  
RumahNya dan semua harta benda juga hangus  
Dalam kebakaran tersebut. Kaki dan tangannya melecur.**

- a. Apakah kesan kebakaran itu kepada Ana?
  - b. Apakah trauma yang dialami oleh Ana?
6. Fasilitator sediakan sekeping kertas mahjong untuk jawapan para peserta. Contoh:

| KESAN | TRAUMA |
|-------|--------|
|       |        |

7. Jika para peserta dapat memberikan jawapan bagi soalan-soalan di atas, Maka itu menunjukkan semua peserta sudah mempunyai pemahaman yang sama untuk perkataan 'Trauma' dan 'Kesan'. Maka, fasilitator bolehlah meneruskan dengan aktiviti seterusnya.


#### Isi Utama (70 minit)

1. Jika para peserta belum dibahagikan kepada kumpulan, fasilitator perlu membahagikan mereka kepada beberapa kumpulan kecil (4 – 5 orang per kumpulan).
2. Fasilitator tanya kepada para peserta – ‘Bagaimana pula dengan mangsa pemerdagangan orang, apakah kesan dan trauma yang dihadapi oleh mangsa?’
3. Sebelum memberikan peluang kepada para peserta untuk menjawab, fasilitator bolehlah mengajak para peserta untuk menonton semula video ‘**Cerita Maya**’. Ini adalah untuk memberikan semula gambaran tentang mangsa pemerdagangan orang kepada peserta. *Sebelum memainkan video, fasilitator perlu beritahu para peserta bahawa video yang bakal mereka tonton mempunyai gambar atau jalan cerita yang boleh mencetus trauma, jika ada peserta yang terkesan selepas menonton video tersebut dan memerlukan bantuan/sokongan mereka boleh datang kepada mana-mana fasilitator.*
4. Selepas selesai menonton, beritahu para peserta untuk berbincang di dalam kumpulan apakah kesan dan trauma yang dihadapi oleh mangsa pemerdagangan orang.
5. Edarkan kertas mahjong dan alat tulis kepada setiap kumpulan. Beritahu mereka; dengan menggunakan kreativiti masing-masing, ciptakan hasil jawapan yang kreatif pada kertas mahjong yang diberikan.
6. Berikan mereka masa selama 30 minit untuk melakukan aktiviti tersebut.
7. Selepas mereka selesai, minta setiap kumpulan untuk menampalkan hasil mereka pada ‘**Ruang Galeri**’ yang telah disediakan.
8. Tunggu sehingga semua kumpulan selesai menampalkan hasil mereka dan Kembali ke tempat duduk sebelum memberikan arahan yang seterusnya.
9. Apabila semua kumpulan sudah berada dalam keadaan bertenang, fasilitator bolehlah memberitahu kepada para peserta bahawa mereka diberikan masa selama 15 minit untuk pergi melihat dan membaca setiap hasil yang ditampal pada ruang galeri. Fasilitator minta Kerjasama dari para peserta untuk melakukan aktiviti ini secara teratur.
10. Setelah semua peserta kembali ke tempat duduk masing-masing, jemput 3 atau 5 orang sukarela secara rawak untuk memberikan perkongsian tentang hasil pemerhatian mereka.

#### Kesimpulan (10 minit)

1. Sebelum mengakhiri topik ini, fasilitator perlulah mengongsikan fakta kesan dan trauma yang dihadapi oleh mangsa pemerdagangan orang. Tekankan atau berikan penerangan ringkas bagi isi yang tidak disenaraikan oleh para peserta di dalam kertas jawapan mereka. (Sila rujuk Lampiran 3)
2. Beritahu para peserta bahawa semua jawapan mereka adalah betul dan boleh berlaku kepada mangsa pemerdagangan orang.
3. Beritahu para peserta bahawa kini mereka sudah mengetahui apakah kesan dan trauma yang dihadapi oleh mangsa pemerdagangan orang.
4. Kemudian tanya kepada mereka, apakah langkah seterusnya.
5. Dengarkan jawapan dari para peserta jika ada. Fasilitator perlu mencatatkan setiap jawapan yang diberikan dan respon dengan topik-topik yang ada sama ada sudah dibincangkan atau bakal dibincangkan sebentar lagi atau akan dibincangkan di masa akan datang.
6. Selepas itu, fasilitator bolehlah membawa para peserta untuk mempunyai sekilas pandang tentang topik seterusnya.
7. Tanya kepada para peserta sekiranya mereka mengenali seseorang yang menjadi mangsa pemerdagangan orang, bagaimanakah mereka boleh membantu atau memberikan sokongan kepada mangsa?
8. Beritahu mereka bahawa soalan ini akan dibincangkan dalam topik yang seterusnya.

### LAMPIRAN III



Sumber: Manual Latihan KPWK M mengenai Perdagangan Orang (TIP)

#### **Topik 4: Bagaimana untuk Memberikan Sokongan kepada Mangsa?**

|          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                      |
|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|
| Objektif | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Peserta mengetahui jenis dan cara untuk memberikan sokongan dan bantuan yang boleh diberikan kepada mangsa pemerdagangan orang.</li><li>2. Belia dapat mengetahui peranan komuniti dan meningkatkan kesedaran tentang Pemerdagangan Orang dalam kalangan mereka.</li></ol> | 120 Minit<br>(2 Jam) |
|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------|

##### Pendahuluan (20 minit)

1. Sebagai pendahuluan tanyakan kepada para peserta apakah yang mereka faham tentang 'Apa itu sokongan?' atau melalui teka gambar.
2. Fasilitator dengarkan jawapan dari para peserta. Tidak ada jawapan yang salah bagi soalan ini. Ucapkan 'terima kasih' bagi setiap jawapan yang dikongsikan.
3. Kemudian kongsikan maksud 'sokongan' dari sumber yang boleh dipercayai seperti kamus. Tujuannya adalah untuk membawa semua peserta mempunyai pemahaman yang sama tentang 'Apa itu sokongan?'
4. Selepas itu, tanyakan lagi 'Apakah jenis-jenis sokongan yang diperlukan oleh manusia?' yang mereka tahu.
5. Dengarkan atau catatkan jawapan dari para peserta. Tidak ada jawapan yang salah bagi soalan ini juga. Ucapkan 'terima kasih' bagi setiap jawapan yang dikongsikan.
6. Kemudian, tanyakan lagi beberapa soalan berikut satu persatu - Adakah sokongan penting untuk setiap orang? Mengapa? Adakah setiap manusia memerlukan jenis sokongan yang sama pada setiap masa? dan Bagaimana untuk memberikan sokongan?
7. Fasilitator hanya perlu mendengarkan saja jawapan dari para peserta bagi setiap soalan dan ucapkan terima kasih.
8. Selepas sesi soal jawab tersebut, barulah fasilitator mengongsikan jenis-jenis sokongan, kepentingan sokongan, jenis sokongan yang diperlukan setiap orang mengikut situasi, dan contoh-contoh bagaimana seseorang boleh memberikan sokongan kepada orang lain.

##### Isi Utama (30 minit)

1. Katakan kepada para peserta bahawa mereka sudah mengenal pasti jenis-jenis sokongan, kepentingan sokongan, jenis sokongan yang diperlukan setiap orang mengikut situasi, dan contoh-contoh bagaimana seseorang boleh memberikan sokongan kepada orang lain. Mereka juga tahu bahawa setiap orang memerlukan sokongan yang berbeza mengikut situasi. Oleh itu, tanyakan kepada para peserta pendapat mereka – Sekiranya terdapat mangsa pemerdagangan orang di komuniti anda, apakah sokongan dan bantuan yang boleh anda berikan kepada mangsa?
2. Beritahu para peserta bahawa untuk aktiviti ini mereka perlu berbincang dalam kumpulan selama 10 minit.
3. Edarkan kertas mahjong dan alat tulis kepada setiap peserta.
4. Apabila mereka sudah siap, minta wakil dari setiap kumpulan untuk menampalkan hasil mereka pada 'Ruang Galeri'.
5. Setelah semua kumpulan sudah menampalkan hasil kerja mereka, minta semua peserta untuk bertenang sebelum fasilitator menjemput mereka untuk pergi melihat dan membaca hasil perbincangan setiap kumpulan pada 'Ruang Galeri'.
6. Berikan mereka masa selama 10 minit untuk aktiviti ini.

7. Kemudian, panggil semua peserta kembali ke tempat duduk mereka masing-masing dan bertenang.
8. Apabila semua peserta sudah dalam keadaan bertenang, jemput 3-5 orang sukarela secara rawak untuk mengongsikan hasil pemerhatian mereka. Ucapkan terima kasih kepada setiap sukarela yang mengongsikan hasil pemerhatian mereka.

Kesimpulan (10 minit)

1. Kongsikan hasil pemerhatian fasilitator. Kemudian, berikan tambahan tentang jenis sokongan yang diperlukan oleh mangsa perdagangan orang dan bagaimana setiap orang boleh membantu mangsa perdagangan orang. (Sila rujuk Lampiran 4)
2. Akhiri sesi dengan memberikan penegasan berikut:
  - a. Jenayah perdagangan orang bukan sama sekali adalah disebabkan oleh kesalahan mangsa
  - b. Perdagangan orang adalah satu jenayah yang mencabuli/melanggar Hak Asasi Manusia
  - c. Mangsa perdagangan orang memerlukan sokongan dan bantuan daripada keluarga dan kawan-kawan untuk sembuh daripada trauma
  - d. Sokongan kita boleh menyelamatkan seorang mangsa, sebuah keluarga, sebuah negara, dan seluruh dunia.
3. Fasilitator boleh mendorong dan mengajak para peserta untuk tidak berhenti dalam melakukan kebaikan di mana sahaja untuk diri sendiri dan juga orang lain.

## **Sokongan dan Bantuan untuk Mangsa Perdagangan Orang**

### **Tiada Diskriminasi dan Prasangka**

Prasangka (Prejudice) - perasaan atau sikap negatif terhadap seseorang hanya berdasarkan keahlian orang itu dalam kumpulan tertentu. Contoh: sikap negatif terhadap orang yang mempunyai tatu.

Diskriminasi - layanan yang tidak sama rata terhadap orang yang berbeza berdasarkan kumpulan kategori di mana mereka tergolong. Contoh: tidak akan melibatkan dalam apa pun aktiviti kepada yang mempunyai tatu.

### **Memberikan Sokongan Emosi dan Moral**

Menjadi pendengar yang baik kepada mangsa.

Menasihati ahli keluarga/rakan sebaya anda agar tidak mudah percaya dengan sebarang tawaran pendidikan atau pekerjaan, galakkan rakan anda untuk mengkaji tawaran tersebut terlebih dahulu sebelum membuat keputusan. Contoh: Merujuk kepada guru atau NGO yang anda percayai.

### **Menjadi Pemerhati yang Aktif**

Sekiranya anda terlihat situasi yang mencurigakan, ambil tindakan segera dengan melaporkan kepada orang atau pihak yang anda percaya boleh membantu seperti guru, ketua kominiti, ketua ahli keagamaan, dll.

## **REHAT (15 MINIT)**

### **Peranan Komuniti dan Masyarakat?**

#### Pendahuluan (10 minit)

1. Tanyakan kepada para peserta “Siapakah yang memainkan peranan untuk menghapuskan jenayah pemerdagangan orang?”.
2. Catatkan jawapan mereka pada *sticky note* dan tampalkan pada ruang yang telah disediakan.
3. Kemudian fasilitator membuat huraian berdasarkan jawapan para peserta. Berikan penambahan sekiranya perlu. Antara pihak yang perlu memainkan peranan untuk menghapuskan jenayah pemerdagangan orang adalah seperti berikut:
  - a. Kerajaan
  - b. Badan bukan Kerajaan/Swasta
  - c. Masyarakat
  - d. Ibu Bapa
  - e. Individu
4. Fasilitator boleh memberikan sedikit penerangan bagi peranan pihak Kerajaan dan Bukan Kerajaan sebelum pergi lebih terperinci kepada komuniti dan masyarakat.

#### Isi Utama (60 minit)

1. Ajak para peserta untuk melakukan perbincangan kumpulan. Di dalam aktiviti ini, setiap kumpulan diarahkan untuk menyenaraikan peranan bagi masyarakat/komuniti, ibu bapa dan individu.
2. Edarkan kertas mahjong dan alat tulis kepada setiap peserta untuk aktiviti ini. Berikan masa selama 10 minit untuk melakukan aktiviti ini.
3. Selepas itu, jemput setiap peserta untuk membentangkan jawapan mereka.
4. Ucapkan terima kasih kepada setiap kumpulan untuk hasil yang dibentangkan.
5. Tanyakan kepada para peserta “Sebagai, wakil pelajar apakah yang boleh kamu lakukan untuk meningkatkan kesedaran kepada pelajar/kanak-kanak lain yang tidak mengikuti sesi latihan ini?”
6. Edarkan sekeping kertas kosong bersaiz A4 dan alat tulis kepada setiap kumpulan.
7. Berikan mereka masa selama 5 minit untuk berbincang di dalam kumpulan.
8. Selepas itu jemput wakil dari setiap kumpulan untuk membacakan hasil perbincangan mereka. Fasilitator boleh meminta kertas jawapan mereka sebagai rujukkan untuk aktiviti di dalam Topik 5.
9. Ucapkan terima kasih untuk hasil pembentangan mereka.

#### Kesimpulan (10 minit)

1. Tekankan bahawa setiap orang memainkan peranan yang penting untuk menamatkan jenayah pemerdagangan orang seperti yang telah dibincangkan pada Topik 4 dan juga dalam topik ini.
2. Beritahu para peserta bahawa bagi merealisasikan apa yang mereka boleh lakukan, suatu rancangan pelaksanaan perlu dibuat. Oleh itu, di dalam topik yang terakhir mereka akan diberikan masa untuk membentuk sebuah rancangan pelaksanaan untuk memberikan kesedaran mengenai pemerdagangan orang di sekolah masing-masing.

### Contoh Peranan Komuniti dan Masyarakat

#### 1. Peranan Ibu bapa:

- Bengkel meningkatkan kesedaran atau (Latihan untuk Pelatih: TOT) kepada Ibu bapa agar mereka juga mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang apa itu isu pemerdagangan orang, bagaimana ia boleh berlaku, tanda-tanda dan kesan pemerdagangan orang terhadap anak-anak dan keluarga mereka.
- Mengetahui bagaimana melapor dan tahu siapa sistem sokongan mereka untuk meminta bantuan.
- Membina & memperkukuhkan sistem sokongan Persatuan Ibu bapa & murid
- Sentiasa ada ruang/masa untuk aktiviti bersama keluarga secara santai untuk mengeratkan semangat kekeluargaan. Cth Makan & berkebun bersama, Perkongsian dll.
- Sentiasa mengambil tahu/peka dengan perkembangan anak serta keperluan, keadaan semasa anak-anak disekolah dan aktiviti yang dilakukan dirumah atau luar rumah .
- Mengetahui/kenalpasti siapakah teman-teman anak-anak bersama di rumah, sekolah/luar sekolah agar anak-anak tidak terpedaya dengan orang tidak dikenali.
- Mengetahui tentang hak-hak sebagai ibu bapa, anak-anak serta perihal mengenai isu-isu pemerdagangan orang agar tidak mudah terpedaya dengan agen2 pekerjaan/majikan yang mengambil kesempatan.
- Membina kerjasama/mempunyai usaha untuk berhubung dengan pihak pusat pembelajaran mengenai perkembangan semasa anak-anak.

#### 2. Peranan Komuniti sekitar (Jiran Tetangga) :

- Mengikut Bengkel meningkatkan Kesedaran Pemerdagangan Orang peringkat jiran tetangga sekitar.
- Sentiasa mengambil tahu/peka aktiviti dan keadaan semasa di sekitar.
- Menubuhkan komiti keselamatan & Perlindungan komuniti setempat sebagai agen sistem sokongan untuk mendapatkan bantuan /dll.
- Mengadakan aktiviti bersama sebagai satu komuniti bagi memupuk semangat kekitaan. ContohNya gotong -royong & minggu kesedaran .
- Kerjasama pihak pusat pembelajaran turut serta dalam aktiviti kempen Meningkatkan kesedaran Pemerdagangan Orang.
- Mengetahui bagaimana mendapatkan bantuan & membuat laporan serta mengendalikan sesuatu isu sekiranya ia berlaku di peringkat komuniti/dikalangan jiran tetangga.

#### 3. Peranan Pusat Pembelajaran/Guru:

- Bengkel meningkatkan kesedaran Kepada **Persatuan Guru & Ibu bapa** agar mereka mempunyai pengetahuan dan kesedaran tentang apa itu isu pemerdagangan orang, bagaimana ia boleh berlaku, tanda-tanda dan kesan pemerdagangan orang terhadap anak-anak dan keluarga mereka.
- Pusat Pembelajaran: melalui **Persatuan Guru & Ibu bapa sebagai mempunyai Komiti Keselamatan & Perlindungan** sebagai agen sistem sokongan, melapor dan mengendalikan sebarang isu-isu pemerdagangan.

- Mengadakan Bengkel meningkatkan kesedaran (**Latihan untuk Pelatih: TOT kepada wakil pelajar** agar mempunyai Pengetahuan, Kemahiran dan Kesedaran tentang apa itu isu perdagangan orang, bagaimana ia boleh berlaku, tanda-tanda dan kesan perdagangan orang terhadap diri mereka dan keluarga dll.
- Mengadakan perjumpaan ibu bapa bagi membincangkan sebarang perkembangan pelajar yang mempunyai kesukaran dalam pendidikan mahupun tingkahlaku semasa berada sekolah .
- Sentiasa peka dan memantau pelajar-pelajar atau keluarga yang berkemungkinan mempunyai sebarang isu agar pihak pusat pembelajaran dapat memberikan sokongan kepada keluarga untuk tindakan selanjutnya. Cth Lawatan keluarga pelajar dll
- Membina Kerjasama dengan pihak Polis, NGO yang berkepentingan bagi menangani isu perdagangan peringkat pusat pembelajaran. Cthnya setiap CLC mempunyai pegawai polis yang memantau keselamatan pusat pembelajaran. Cthnya Mempunyai tatacara melapor sebarang isu & penama-penama yang boleh dihubungi cth Konsulat Indonesia/Filipina (Menteri Pendidikan / Perlindungan & Keselamatan)
- Mengadakan Bulan/Minggu kesedaran tentang Isu Perdagangan Orang diperingkat pusat pembelajaran bagi meningkatkan kesedaran dikalangan Guru, Ibu bapa & Pelajar.

#### **4. Peranan Pembimbingan Rakan Sebaya**

- Mengadakan Bengkel meningkatkan kesedaran (**Latihan untuk Pelatih: TOT kepada wakil pelajar** agar mempunyai Pengetahuan, Kemahiran dan Kesedaran tentang apa itu isu perdagangan orang, bagaimana ia boleh berlaku, tanda-tanda dan kesan perdagangan orang terhadap diri mereka dan keluarga dll.
- **Wakil Pelajar Sebagai Kelab Rakan Pembimbing** bagi memberi bengkel Kesedaran (Latihan untuk Pelatih) kepada rakan sebaya di pusat pembelajaran mereka. Sekaligus kelab ini juga menjadi agen sistem sokongan sesama mereka serta menjadi perwakilan di peringkat pusat pembelajaran bersama dengan Persatuan Guru Ibu bapa & Pelajar.
- Kelab Pendamping/Pembimbing bagi rakan sebaya.
- Bekerjasama dengan pihak pusat pembelajaran dan melaporkan sebarang isu atau tanda-tanda isu perdagangan dikalangan rakan sebaya mereka.

## **Topik 5: Rancangan Pelaksanaan untuk Meningkatkan Kesedaran tentang Pemerdagangan Orang**

|          |                                                                                                                                                                                |                     |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|
| Objektif | 1. Pelajar dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran untuk mempromosikan mesej menghapuskan Pemerdagangan Orang di kalangan mereka di peringkat Pusat Pembelajaran pelajar. | 60 Minit<br>(1 Jam) |
|----------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------|

### Pendahuluan (10 minit)

1. Tanyakan para peserta, “Apakah yang akan kamu lakukan apabila ingin mendapatkan atau mencapai sesuatu yang kamu inginkan?” Contohnya lulus dalam peperiksaan.
2. Dengarkan jawapan para peserta dan tuliskan pada *sticky note* dan tampalkan pada ruang yang disediakan.
3. Simpulkan jawapan mereka bahawa semua jawapan yang mereka berikan boleh dikategorikan sebagai ‘Perancangan Awal’.
4. Fasilitator jelaskan bahawa sebelum kita melakukan sesuatu, sama ada sedar atau tidak kita akan melakukan perancangan terlebih dahulu. Dan terdapat pelbagai cara untuk melakukan perancangan sama ada secara lisan atau bukan lisan. Fasilitator boleh berikan beberapa contoh.
5. Kemudian, beritahu para peserta bahawa konsep yang sama diguna pakai sebelum mereka melakukan tindakan yang mereka boleh lakukan untuk memberikan kesedaran tentang pemerdagangan orang yang mereka kongsi di dalam Topik 5.

### Isi Utama (40 minit)

1. Sebelum mengedarkan kertas mahjong dan alat tulis kepada setiap kumpulan, fasilitator kongsi satu contoh rancangan pelaksanaan untuk program kesedaran. Ini adalah untuk memberikan gambaran yang lebih jelas kepada para peserta tentang apa yang mereka perlu lakukan di dalam aktiviti kumpulan.
2. Selepas menunjukkan contoh tersebut, berikan sedikit masa untuk para peserta bertanyakan soalan.
3. Selepas itu, edarkan kertas mahjong dan alat tulis. Berikan mereka masa 15 – 20 minit untuk aktiviti ini.
4. Setelah mereka selesai, jemput setiap kumpulan secara bergilir-gilir untuk membentangkan hasil perbincangan mereka.
5. Fasilitator boleh bertanyakan soalan kepada kumpulan yang membentang untuk membantu kumpulan tersebut memperbaiki perancangan mereka.
6. Ucapkan terima kasih kepada setiap kumpulan di atas pembentangan mereka.

### Kesimpulan (10 minit)

1. Beritahu para peserta bahawa semua rancangan pelaksanaan mereka boleh dilakukan sekiranya mereka benar-benar mengambil serius tentang isu tersebut dan menganggap bahawa adalah penting untuk memberikan kesedaran mengenai isu tersebut.
2. Beritahu juga para peserta bahawa tim pelatih sentiasa bersedia untuk membantu setiap kumpulan di dalam proses pelaksanaan mereka dari segi memberikan khidmat nasihat dan pendapat.
3. Beritahu juga para peserta bahawa tim pelatih akan sentiasa menghubungi setiap kumpulan untuk mengetahui perkembangan rancangan pelaksanaan mereka dari semasa ke semasa.

## LAMPIRAN VI

**Mempromosikan mesej untuk menamatkan Perdagangan Orang melalui pelbagai medium komunikasi dan perbincangan untuk mewujudkan sistem tindak balas masyarakat di Pusat Pembelajaran**

- Mengadakan Minggu/Bulan Meningkatkan Kesedaran Mengenai Isu Perdagangan Orang di peringkat CLC/ALC dengan kerjasama Persatuan Ibubapa & Pelajar di setiap CLC/ALC. Contohnya:
  - Pertandingan melukis poster
  - Mencipta flyer/Infografik Hentikan Perdagangan Orang
  - Sukaneka Kesedaran
  - Drama Kesedaran
  - Zumba /Tarian STOP Human Trafficking
  - Pertandingan Mencipta Video pendek (tik tok dll.)
  - Pertandingan mencipta lagu/Puisi/dll
  - Kuiz Meningkatkan kesedaran isu Perdagangan Orang
  - Lawatan keluarga/ Rumah bagi mengeratkan /Memperkukuhkan semangat kekitaan dalam kalangan jiran tetangga.

## LAMPIRAN VII

### Contoh Rancangan Pelaksanaan

**Tujuan:** Meningkatkan Kesedaran tentang Pemerdagangan Orang dalam kalangan Ahli OSIS CLC

**Aktiviti/Program:** Kempen Minggu Hentikan Pemerdagangan Orang

| Bil | Perkara/Aktiviti                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                             | Tindakan / catatan / Makluman                   |
|-----|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------|
| 1   | <b>Tim Petugas / Team: AJK Komitei</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Senarai Tugas</li> <li>- Pembahagian Tugas</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                        | Ahli AJK OSIS CLC                               |
| 2   | <b>Kumpulan Sasaran:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Siapakah peserta yang akan terlibat : Contohnya Kelab OSIS CLC yang belum Menyertai Program Latihan untuk Pelatih: Menerapkan Kesedaran tentang Pemerdagangan Orang anjuran GSB 2022</li> </ul>                                                                                            | Siapakah Peserta / OSIS yang lain               |
| 3   | <b>Bila / Tarikh:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bulan Julai Minggu Ke-empat</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                                        | Bila Tarikh yang sesuai untuk peserta & Tim     |
| 4   | <b>Jadual Aktiviti / Aturcara:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>● <b>Sebelum (Aktiviti berjalan:</b> perbincangan tim &amp; guru-guru CLC Gotong -royong Persiapan tempat untuk acara pelancaran Kempen)</li> <li>● <b>Semasa</b> (Aktiviti berjalan /pada hari kejadian)</li> <li>● <b>Selepas</b> ( Aktiviti – perbincangan Tim dll )</li> </ul> | Aturcara semasa kempen dilancarkan              |
| 5   | <b>Senarai Bahan-bahan yang diperlukan:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- PA system, LCD ,Laptop dll</li> </ul>                                                                                                                                                                                                                                   | Bahan- bahan diperlukan: Apa? untuk Tujuan apa? |
| 6   | <b>Bantuan Dan Sokongan yang diperlukan dari Guru-guru &amp; Tim GSB:</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Bimbingan &amp; nasihat</li> <li>- Bahan-bahan tentang Pemerdagangan Orang : Maklumat / Video dll</li> </ul>                                                                                                                              | Apa? Siapa? Bagaimana                           |

## Rancangan Pelaksanaan

Tujuan : \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

Aktiviti/Program: \_\_\_\_\_  
 \_\_\_\_\_

| Bil | Perkara/Aktiviti                                                                                                                                                                                                                                           | Tindakan / Catatan /<br>Makluman |
|-----|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------|
| 1   | Tim Petugas / Team: AJK Komite                                                                                                                                                                                                                             |                                  |
| 2   | Kumpulan Sasaran:                                                                                                                                                                                                                                          |                                  |
| 3   | Bila / Tarikh:                                                                                                                                                                                                                                             |                                  |
| 4   | Jadual Aktiviti / Aturcara: <ul style="list-style-type: none"> <li>Sebelum Aktiviti Berjalan:</li> <br/><br/><br/><br/><br/><br/><br/><br/><br/><br/> <li>Semasa: Aturcara</li> <br/><br/><br/><br/><br/><br/><br/><br/><br/><br/> <li>Selepas:</li> </ul> |                                  |
| 5   | Senarai bahan-bahan yang diperlukan:                                                                                                                                                                                                                       |                                  |
| 6   | Bantuan dan sokongan yang diperlukan dari guru-guru atau pihak tertentu (Contoh: NGO)                                                                                                                                                                      |                                  |